

Utusan Malaysia
08 June 2018

Al Rajhi Bank sasar premium bertulis kasar RM3.5j

KUALA LUMPUR 7 Jun - Al Rajhi Bank Malaysia mengunjurkan pertumbuhan premium bertulis kasar (GWP) mencecah RM3.5 juta pada tahun ini didorong perjanjian bancatakaful yang ditandatangani dengan Sun Life Malaysia Takaful Bhd. secara eksklusif selama 10 tahun.

Ketua Pegawai Al Rajhi Bank, Steve Chen berkata, Sun Life Malaysia kini adalah pengedar tunggal produk Takaful Keluarga kepada 150,000 pelanggan Al Rajhi Bank di seluruh negara.

Dua produk lain yang kini boleh didapati di cawangan Al Rajhi Bank adalah Sinar Health Plan dan Sinar Baraqah.

"Al Rajhi Bank buat masa ini

mempunyai kira-kira 200 pemegang polisi dan disasar meningkat kepada 1,000 pemegang polisi menjelang akhir tahun.

"Sehingga kini, cabang insurans kami merekodkan jualan sebanyak RM230,000," katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani kerjasama di antara Al Rajhi Bank dan Sun Life Malaysia.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif dan Presiden Sun Life Malaysia, Raymond Lew; Ketua Pegawai Eksekutif Sun Life Malaysia Takaful, Muhammad Fikri Mohamad Rawi dan Pengarah Runcit Al Rajhi Bank Malaysia, Peter Yap.

Sejak pembabitannya dalam industri insurans Malaysia pada

2013, Sun Life Malaysia telah memberi tumpuan mengembangkan perniagaan teras iaitu bancatakaful melalui kerjasama eksklusif.

Sementara itu, Lew berkata, pihaknya terbuka untuk bekerjasama dengan lebih banyak institusi perbankan bagi menawarkan produk inovatif yang menarik kumpulan sasar mereka.

"Lebih-lebih lagi, kadar sifar peratus yang dikenakan ke atas semua perkhidmatan dan produk insurans serta takaful akan menyaksikan peningkatan jumlah pemegang polisi baharu.

"Orang ramai kini semakin sedar akan keperluan pelindungan insurans," katanya.